

Kerajaan  
tidak  
mahu  
adanya  
ekstrimisme  
di negara ini

MAHATHIR 1981

KUALA LUMPUR 29  
Ogos — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menyatakan bahawa kerajaan tidak mahu adanya ekstrimisme dalam negara ini yang boleh memecah-belahkan perpaduan rakyat.

Atas dasar itu, beliau menasihatkan rakyat dari berbagai kaum sentiasa menjunjung tinggi cita-cita kerajaan yang mementingkan keamanan negara dengan bekerjasama antara satu sama lain.

Perdana Menteri berucap demikian ketika merasmikan perayaan Hari Kebangsaan dan perayaan ulangtahun ke 58 Dewan Perhimpunan Cina Selangor di sini malam ini yang dihadiri sama oleh Presiden dewan itu Tan Sri Dr. Lee Yan Lian.

Katanya, bagi pihak kerajaan, walau dalam apa aspek sekalipun, kerajaan tidak akan mengamalkan sikap 'makan sebelah' pada mana-mana pihak.

Perbuatan tersebut, katanya, akan hanya menimbulkan rasa tidak puashati di pihak lain.

Menyedari hakikat inilah, katanya, kerajaan tidak akan melayan 100 peratus tuntutan dari satu-satu pihak.

Bagi pihak persatuan-persatuan serta dewan-dewan yang terdapat di negara ini termasuk Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Dr. Mahathir menasihatkan supaya turut membantu kerajaan dengan memberi nasihat dan pandangan mereka terhadap sesuatu projek pembangunan.

Sumbangan-sumbangan seperti itu, jelas beliau merupakan satu sumbangan politik dari orang ramai terhadap kerajaan.

Katanya, negara ini mempunyai banyak pertubuhan seperti itu di merata tempat tetapi belum ada yang memberi sumbangan terhadap kegiatan politik sehingga kerajaan tidak boleh menetapkan yang mana satu pertubuhan yang boleh dijadikan badan politik.

Menurutnya, ini adalah perlu setelah undang-undang pembangunan ditukarkan ke undang-undang pertubuhan.